



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### **BELANJAWAN 2021 : BELANJAWAN MESRA KELUARGA HADAPI CABARAN PASCA COVID-19**

---

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas pembentangan Belanjawan 2021 dengan tema “Teguh Kita, Menang Bersama” yang ternyata memelihara kesejahteraan rakyat dan negara.

Berdasarkan pengumuman Belanjawan 2021, KPWKM menerima peruntukan sebanyak RM2.584 bilion dengan peningkatan sebanyak 4.50% berbanding dengan tahun sebelumnya. Daripada jumlah tersebut, KPWKM menerima peruntukan bagi Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM2.458 bilion manakala peruntukan bagi Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM126 juta.

Sesungguhnya peruntukan Belanjawan 2021 akan memberi manfaat kepada kumpulan sasaran utama KPWKM yang terdiri daripada golongan Orang Kurang Upaya (OKU), warga emas, kanak-kanak, wanita, pengusaha taska, golongan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) untuk berdepan dan meneruskan aktiviti serta kehidupan, seterusnya sama-sama menyumbang ke arah agenda pembangunan negara.

Saya rasa bersyukur apabila diumumkan kenaikan kadar bantuan bulanan yang memanfaatkan kepada 400,000 penerima. Peruntukkan sejumlah RM2.2 bilion ini dapat meringankan bebanan golongan OKU, warga emas, pesakit kronik dan kanak-kanak daripada keluarga miskin serta penjaga mereka.

Di samping itu, golongan OKU juga tidak terkecuali daripada menerima manfaat yang besar dalam Belanjawan kali ini terutama dari segi penjagaan sehinggalah ke peluang pekerjaan, dan golongan ini juga turut menikmati keistimewaan yang diberikan menerusi pas perjalanan tanpa had. Pasangan golongan OKU ini juga tidak ketinggalan dalam menerima manfaatnya apabila had pelepasan cukai kepada pasangan OKU dinaikkan daripada RM3500 kepada RM5000.

Saya juga amat gembira dengan pengumuman kenaikan elaun petugas dan penyelia Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) di seluruh negara. Kenaikan elaun petugas telah dinaikkan daripada RM800 kepada RM1,200. Manakala elaun penyelia pula telah

dinaikkan daripada RM1,200 kepada RM1,500. Saya percaya kenaikan elaun ini merupakan *reward* pihak kerajaan kepada para petugas dan penyelia PDK yang turut merupakan *frontliners* yang banyak menyumbang jasa dalam kemaslahatan masyarakat.

Belanjawan 2021 merupakan belanjawan 'Mesra Wanita.' Di bawah inisiatif Memperkasa Golongan Wanita, saya menyeru para usahawan wanita untuk merebut peluang mendapatkan pembiayaan mikro kredit khas, Ar-Rahnu BizNita dan BizMe. KPWKM akan membina kerjasama strategik dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bagi memperkasakan budaya keusahawanan dan keupayaan usahawan wanita yang tidak dinafikan turut menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Di samping itu, Kerajaan juga amat prihatin kepada kesihatan wanita apabila menyediakan peruntukan sebanyak RM10 juta untuk golongan wanita membuat saringan kanser serviks dan ujian mamogram.

Belanjawan yang "mesra keluarga" ini juga memperlihatkan keprihatinan Kerajaan yang memberikan peruntukan khusus untuk membina pusat jagaan kanak-kanak di bangunan Kerajaan dan swasta. Di samping itu, Kerajaan juga menyokong kepada pembangunan kesejahteraan keluarga dengan menyediakan peruntukan khas bagi pembinaan Pusat Sokongan Sosial Setempat bertujuan memberi perlindungan kepada golongan wanita terutamanya yang menghadapi masalah keganasan rumah tangga.

Sebagai tanda penghargaan Kerajaan kepada para sukarelawan yang komited, serta menyemarakkan lagi budaya "Kesukarelawanan" dalam masyarakat, seramai 2,000 sukarelawan dan lebih 8,000 warga emas dan OKU akan menerima manfaat daripada kenaikan elaun Program Khidmat Bantu di rumah. Diharapkan dengan kenaikan elaun ini akan menggalakkan lebih ramai sukarelawan untuk bersama-sama Kerajaan bergiat aktif memberi khidmat sokongan sosial kepada masyarakat.

Saya juga menyeru dan mengalu-alukan NGO agar turut bersama-sama KPWKM menyantuni warga emas bagi pengendalian pusat aktiviti warga emas apabila kerajaan menaikkan bantuan kewangan untuk pengoperasian PAWE daripada RM33 ribu ringgit kepada RM50 ribu ringgit. Peranan warga emas yang masih produktif juga diberi fokus apabila majikan yang mengaji warga emas diberi potongan cukai tambahan sehingga tahun 2025.

Harapan saya agar semua kumpulan sasaran KPWKM dapat menikmati manfaat dari Belanjawan 2021, seterusnya dapat meningkatkan produktiviti bagi meneruskan agenda pembangunan negara. Dengan ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan Selamat menyambut Bulan Keluarga Kebangsaan 2020 #kitajagakeluarga.

**YB DATUK SERI RINA BINTI MOHD HARUN**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT PUTRAJAYA**  
**9 NOVEMBER 2020**